



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 60  
No. 15

**19hb Julai 2007**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

**No. 867.**

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977  
(P.U. (A) 155/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH ROMPIN

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Rompin bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Pejabat Daerah Rompin pada hari Khamis 2 Ogos 2007 jam 10.00 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen atau membaharui lesen-lesen bagi tahun 2007 akan dipertimbangkan.
3. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dengan enam salinan kepada Pengerusi Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais, d/a Pejabat Daerah Rompin sekurang-kurangnya enam minggu sebelum mesyuarat diadakan, salinan-salinan permohonan untuk lesen baharu mestilah ditampal di bangunan perniagaan yang bakal bermiaga minuman bagi tempoh tidak kurang enam (6) minggu sebelum diadakan mesyuarat.

Bertarikh 4 Julai 2007

ZETI ILYANA BINTI RAMLI

*Pentadbiran Am  
b.p. Pegawai Daerah  
Rompin*

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 868.**

[Perenggan 261(1)(c)]

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR SIASATAN

Di Pejabat Tanah Daerah Maran dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

BANK ISLAM (M) BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

KHAIRUL AZHAR BIN DAUD &  
AZLIAH BINTI SAIAN

Penggadai

Kepada Khairul Azhar bin Daud &amp; Azliah binti Saian yang beralamat di 512 Blok 2, Jalan PJS 6/4E, Kampung Lindungan, 46000 Petaling Jaya, Selangor.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara, supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 2 Ogos 2007 (Khamis) jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah Maran. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kertau Daerah Maran. No. P.T.—199. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 178. Bahagian Tanah—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian—No. Perserahan 383/2003. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 27 Mei 2007  
[PTM. 4/3/0001 (2007)]

*Pentadbir Tanah Daerah  
Maran*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960  
(Akta 486)

No. 869.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Balik Tanah bagi Tujuan Rancangan Bekalan Air Seberang Temerloh-Tapak Cadangan Muka Sauk, Mukim Bangau, Daerah Temerloh, Pahang.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Temerloh. Mukim—Bangau.

No. Lot	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
				G.M. Hektar
428	1223	Abdul Malek bin Abd. Hamid @ Keling (KP. 460206-06-5115) 1/7 bhg., Haknusin bin Abdul Hamid @ Keling 1/28 bhg., Heseneder binti Ha'ani @ Hainin (KP. 490313-06-5214) 7/400 bhg., Imah binti Abdul Hamid 1/28 bhg., Jainah binti Garip 1/28 bhg., Jarimah binti Abdul Hamid @ Keling 1/28 bhg., Mohd Rasid bin Hainin (KP. 530902-06-5195) 193/400 bhg., Muhamad Mariman bin Ab. Hamid (KP. 460416-71-5139) 1/28 bhg., Norsiah binti Abdul Hamid @ Keling 1/28 bhg. dan Roslina binti Abdul Malek (KP. 670408-06-5004) 1/7 bhg.	3.0098 (7.437 ekar)	0.530

Bertarikh 18 Jun 2007  
[PTT. 386/7/03]

DATO' HAJI ABDUL HAMID BIN MUSA  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Pahang*

Hakcipta Pencetakan (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA